


Anak Datang Bersama Ujian Daripada Allah



Oleh: Nor Afiqah Mohd Sabri
Universiti Sains Islam Malaysia
Diterbitkan pada 19 Julai 2021

Semua ibu bapa tidak dapat lari daripada pelbagai ujian yang datang bersama anak-anak yang dikurniakan Allah SWT kepada mereka.

Jadi, mereka yang dianugerahkan rezeki anak juga perlu bersedia dengan segala dugaan dalam membesarkan mereka untuk menjadi insan yang bertakwa serta berjaya di dunia dan akhirat.



Didikan agama dan akademik perlu seiring kepada anak.

Allah SWT menguji keimanan ibu bapa untuk melihat sama ada mereka semakin bersyukur setelah dikurniakan zuriat atau semakin menjauhi-Nya. Setiap ujian yang hadir itu adalah sebagai penghapus dosa dan meningkatkan darjat seseorang.

Kita diuji dengan kerenah anak bukan kerana Allah SWT ingin menyeksa atau menghukum kita. Namun, itu adalah tanda kasih dan rahmat dari Tuhan terhadap hamba-Nya.

Sebagai ibu bapa yang baru bertatih dalam mendidik dan mengasuh anak, mereka sebaik-baiknya perlu mengenal pasti perbezaan antara sikap anak yang inginkan perhatian atau akhlaknya yang sememangnya sedemikian.

Bagi anak yang membuat sesuatu perkara bagi meraih perhatian ibu bapa, seelok-eloknya dia dipujuk dengan cara yang baik dan berhemah.

Manakala bagi anak tidak mendengar kata, amatlah perlu untuk meluangkan masa dua kali ganda berbanding biasa.

Ibu bapa juga perlu menyusun strategi baharu untuk menambat hati anak agar mereka lebih cenderung berbuat kebaikan.

Melazimi kata-kata cinta dan memuji anak adalah terapi paling menyentuh jiwa kerana dia juga manusia biasa yang mendambakan kasih. Ini adalah fitrah yang dikurniakan Allah SWT sejak azali lagi.

Kelebihan mereka tidak perlu dibandingkan kerana setiap anak mempunyai keunikan yang tersendiri. Mereka yang kurang dari segi pencapaian akademik mungkin ringan tulang membantu kerja-kerja di rumah.

Anak-anak tidak seharusnya dinilai dengan berapa bilangan A dalam slip keputusan peperiksaan semata-mata. Malah, akhlak mulia dan terpuji juga perlu diambil kira.

Ibu bapa perlu bersifat tenang dan sabar dalam menangani hal anak-anak sama ada yang kecil mahupun yang meningkat dewasa. Ini adalah kerana, kehidupan kita telah diatur Tuhan.

Namun, kita yang melakarkan warnanya sama ada biru, hijau atau putih dengan diiringi doa yang juga senjata sangat luar biasa bagi golongan mukmin.

Firman Allah SWT dalam surah Ghafir ayat 60, "Berdoalah kepada-Ku, nescaya akan Ku perkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembah-Ku akan memasuki neraka dalam keadaan hina dina."

Sehubungan itu, ibu bapa perlu mengambil pengajaran ayat ini ketika mereka berasa keliru dan gundah-gulana dalam mendidik anak-anak.

Mereka perlu senantiasa ingat bahawa ujian yang datang itu tidak dapat dibandingkan dengan betapa besarnya nikmat Tuhan melalui rezeki yang dikurniakan. Apabila kita perlu bersyukur, Allah SWT akan menambah nikmat.

Pendedahan ilmu agama perlu seiring dengan akademik bermula sejak usia kecil lagi agar anak menjadi mangli dengan perintah dan takut dengan larangan-Nya.

Sesungguhnya, Allah SWT dan rasul-Nya menyukai hamba yang bertakwa. Kerap berdoa juga adalah rahsia melembutkan hati anak agar mendengar kata dan mudah mengerjakan solat.

Doa-doa yang boleh diamalkan terkandung dalam surah Taha ayat 1-5, surah al-Syura ayat 19 dan surah al-Hasyar ayat 21.

Sebagai contoh, Umar bin al-Khattab dikenali sebagai seorang individu yang bersifat tegas dan menentang Rasulullah SAW sebelum memeluk Islam. Beliau akhirnya mendapat hidayah dari Allah SWT.

Sendi Umar menjadi lemah dan bergetar ketika beliau membaca kandungan surah Taha. Surah ini dapat menyantuni hati Umar malah membuka hatinya memeluk Islam pada hari yang sama.

Pengislaman Umar itu tentunya menimbulkan keinsafan dalam diri kita kerana dengan hidayah yang dikurniakan Allah SWT, manusia boleh berubah sepenuhnya dalam sekelip mata sahaja.

Insyaa-Allah, perkara yang sama boleh berlaku apabila kita istiqamah berdoa kepada Allah SWT agar dipermudahkan urusan mendidik dan membimbing anak-anak sejak dari mereka kecil hingga dewasa.